

**Soalan Lazim: Mei 2021 - Semakan Ansuran untuk Kemudahan Pembiayaan Hartanah-i**

**S1: Saya menyedari bahawa amaun bayaran ansuran saya telah disemak semula mulai 04/05/2021. Mengapa pihak bank menyemak semula jumlah ansuran bulanan kemudahan saya?**

J1: Dengan merujuk kepada surat kami bertarikh 17/09/2020, berkenaan dengan kemas kini kemudahan pembiayaan lanjutan daripada Program Penangguhan Pembayaran, kami mendapati ansuran tersebut tidak akan membolehkan penyelesaian pembiayaan anda pada Tarikh Kematangan Asal yang dinyatakan dalam Surat Tawaran anda. Ansuran baru berkuatkuasa 4 Mei 2021 akan memastikan penyelesaian kemudahan pada Tarikh Kematangan Asal.

**S2: Bagaimana penyemakan semula ansuran saya dikira?**

J2: Semakan semula ansuran anda dikira berdasarkan:

- i. baki tertunggak pembiayaan anda pada 31 Mac 2021
- ii. tempoh dan,
- iii. kadar keuntungan kemudahan anda

Jumlah ansuran yang disemak dikira berdasarkan formula pelunasan pembiayaan standard secara keseluruhan.

**S3: Saya mempunyai beberapa kemudahan pembiayaan dengan pihak Bank. Mengapakah saya hanya menerima satu surat pemberitahuan daripada pihak Bank?**

J3: Sekiranya anda tidak menerima sebarang surat pemberitahuan untuk kemudahan anda yang lain, ini bermakna kemudahan anda yang lain telah dikecualikan daripada semakan semula ansuran pada kali ini, oleh itu perubahan ansuran tidak diperlukan. Kami akan terus menyemak semua kemudahan anda apabila dan sekiranya perubahan diperlukan dan akan memaklumkan kepada anda sewajarnya.

**S4: Dengan perubahan dalam jumlah ansuran adakah terdapat sebarang perubahan dalam kadar keuntungan pembiayaan?**

J4: Tidak, kadar keuntungan pembiayaan anda tidak berubah

**S5: Jumlah ansuran saya yang disemak semula adalah lebih tinggi daripada jumlah ansuran saya yang lama. Bolehkah saya meminta pihak Bank untuk ansuran bulanan yang rendah?**

J5: Ya. Sekiranya anda merasakan kesulitan dalam membuat pembayaran dan ingin mendapatkan bantuan pembayaran, sila hubungi kami sekarang untuk mendapatkan bantuan yang anda perlukan.

Anda boleh mengemukakan permintaan anda melalui laman sesawang Korporat kami di:

<https://www.hlb.com.my/ms/personal-banking/home/loan-financing-payment-relief-identify.html>

Anda juga boleh menghubungi Bank melalui talian hotline, e-mel atau mengunjungi cawangan kami:

- HLB Customer Collections: 603-79591888 (Isnin-Jumaat, 8.45 pagi-7.00 petang)
- HLB Contact Centre: 603-7626 8899 (Isnin-Sabtu 9.00 pagi – 9.00 petang)
- Untuk Pelanggan Individu, sila e-mel ke: [paymentrelief@hlbb.hongleong.com.my](mailto:paymentrelief@hlbb.hongleong.com.my)
- Untuk Pelanggan PKS, sila e-mel ke: [sme@hlbb.hongleong.com.my](mailto:sme@hlbb.hongleong.com.my)

**Untuk mengetahui lebih lanjut berkenaan Pelan Bantuan Pembayaran Bersasar HLB/HLISB, sila rujuk laman sesawang korporat dan Soalan Lazim kami di:**

<https://www.hlb.com.my/ms/personal-banking/news-updates/hlb-payment-relief-assistance-plan.html>